

Media Title : Harian Metro
Headline : Lelaki sebabkan pekerja kilang rugi RM432,725 ditahan
Date : 30 June 2023
Section : Lokal
Page : 6



MACAU SCAM

Lelaki sebabkan pekerja kilang rugi RM432,725 ditahan

Balik Pulau: Polis menahan seorang lelaki kerana disyaki terbabit dengan sindiket Macau Scam sehingga menyebabkan seorang pekerja kilang kerugian RM432,725.

Menurut kenyataan di Facebook Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Barat Daya, lelaki berusia 39 tahun itu ditahan oleh sepasukan polis Bahagian Siasatan Jenayah Komersial Barat Daya semalam, hasil maklumat awam dan risikan yang dijalankan.

"Berdasarkan laporan yang diterima, mangsa seorang wanita berusia 57 tahun telah terima panggilan telefon (daripada seorang lelaki) yang mendakwa daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan memaklumkan dia mempunyai cukai tertunggak, namun mangsa menafikannya.

"Talian itu kemudiannya disambungkan kononnya kepada seorang pegawai polis sebelum dimaklumkan mangsa mempunyai rekod jenayah berkaitan pengedaran dadah dan pengubahan wang haram, ia menyebabkan wanita terbabit panik serta mengikut arahan suspek," menurut kenyataan itu.

Katanya, wanita itu memindahkan semua wang simpanannya ke dalam akaun Agro Bank milik sendiri dan mengisi maklumat Agro Bank ke dalam borang diberikan oleh suspek yang mengaku pegawai polis berkenaan.

Kenyataan itu memaklumkan selepas dua bulan, wanita yang bekerja kilang di Bayan Lepas itu mem-



Talian itu kemudiannya disambungkan kononnya kepada seorang pegawai polis sebelum dimaklumkan mangsa mempunyai rekod jenayah berkaitan pengedaran dadah dan pengubahan wang haram, ia menyebabkan wanita tersebut panik serta mengikut arahan suspek"

Kenyataan FB IPD Barat Daya

buat semakan dan mendapati semua wang simpanan sebanyak RM432,725 daripada akaun Agro Bank miliknya dipindahkan secara berperingkat ke dalam akaun yang tidak dikenali sebelum bertindak membuat laporan polis.

Katanya, polis menjalankan siasatan lanjut dan risikan sebelum berjaya menahan lelaki terbabit yang bekerja sendiri bagi membantu siasatan kes itu.

Beliau berkata, polis turut menahan seorang lelaki berumur 35 tahun semalam kerana disyaki menjadi keldai akaun oleh sindiket pinjaman wang dalam talian yang tidak wujud sehingga menyebabkan seorang suri rumah kerugian RM19,530.

Katanya, mangsa berusia 36 tahun itu telah memasukkan wang ke dalam beberapa akaun bank dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM19,530 tetapi wang pinjaman tidak diperoleh.



SEBAHAGIAN daripada 20 beg jumbo yang mengandungi 18 tan beras dianggarkan bernilai RM100,000 tanpa mempunyai dokumen bagi mengimport dagangan dirampas oleh Maqis yang cuba diseludup dari Singapura.